

# PELUANG DI KOTA

## Rumah2 moden bagi si miskin

Oleh AMIN OMAR

PULAU PINANG, Isnin — Kerajaan tidak berniat mengusir keluar golongan miskin dari bandar-bandar tetapi akan mewujudkan perkampungan moden dalam bandar-bandar yang dapat memberi golongan ini keselesaan hidup.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini, kerajaan mahu golongan miskin yang berada dalam bandar-bandar terus kekal kerana sebagai sebuah kerajaan yang dipilih rakyat, kerajaan adajah juga bertanggungjawab kepada mereka.

Melancarkan pembangunan kawasan Jalan Kcdah di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan akan mewujudkan perkampungan moden dalam bandar-bandar berbentuk rumah-rumah moden sesuai dengan keadaan bandar dan ditengki dengan berbagai kemudahan yang akan memberi kehidupan yang tidak serba kurang kepada golongan miskin. Salah satu contoh perkampungan moden tersebut ialah projek pembangunan Jalan

Kedah yang melibatkan kawasan 14.2 hektar dan mempunyai bilangan penduduk seramai 78,846 orang setiap 1.6 kilometer persegi.

Perdana Menteri menegaskan, golongan yang miskin juga mempunyai hak untuk tinggal di bandar dan mencariaraan hidup.

### Kemudahan

"Tidak dapat dinafikan bahawa hanya di bandar sahaja terdapat segala-kemudahan seperti hospital, sekolah, bekalan elektrik dan air dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain-lainnya, katanya.

"Kalau kita ikut cara lama seperti sebelum merdeka dulu, hanya orang yang kaya dan mereka yang mampu sahaja yang dapat tinggal di bandar, sementara yang miskin kekal miskin dan serba kurang di luar bandar," katanya.

Beliau berkata, dalam merancangkan pembangunan bandar-bandar, kerajaan tidak langsung berniat hendak mengalau golongan miskin yang berada dalam bandar, tetapi mahukan mereka kekal

dan menikmati segala kemudahan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, seseorang itu sememangnya tidak boleh tinggal di bandar dengan cara dan kaedah di kampung kerana kedua keadaan jauh berlainan.

"Adalah mustahil bagi kita membina rumah papan ala kampung berkaki empat dan membela ayam itik atau bereceuk tanam dalam bandar," katanya sambil menambah nilai tanah di bandar jauh lebih tinggi dari nilai tanah kampung.

Kerajaan Barisan Nasional sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kepada semua, baik yang miskin atau kaya, telah memainkan peranan untuk menempatkan golongan miskin dalam bandar ini dengan membina bangunan-bangunan yang boleh diduduki ramai.

### Ekonomik

Dengan cara ini, jelas beliau, tanah yang bernilai amat tinggi di bandar kena digunakan sepenuhnya dan dengan cara yang paling ekonomis sekal.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang tiba di sini untuk lawatan sehari memberitahu, kira-kira 1,000 penduduk Jalan Kcdah bahawa masalah kemiskinan dalam bandar adalah lebih ketara sekarang ini terutama di Kuala Lumpur dan juga di sini dan keadaan ini terjadi lebih-lebih lagi kerana adanya penghijrahan dari luar bandar ke bandar.

Golongan yang berhijrah ini tidak mampu membeli tanah yang begitu mahal harganya di bandar atau membina rumah.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2588 .....  
No. Penerimaan ..... 333/85 .....